

## KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	17/12/2019	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

Oleh Mohd Firdaus Ibrahim  
 firdaus\_ibrahim@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Sebaran maklumat atau notis amaran bencana kepada komuniti melalui kiriman SMS antara inisiatif terbaru diperkenalkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma).

Nadma dalam kenyataannya berkata, notis amaran melalui Program Ramalan dan Amaran Banjir (Prab), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ini dimulakan awal bulan ini di Kuala Krai, Kelantan.

"Prab adalah notis amaran merah atau bahaya paras air sungai. Ia mula dilancarkan di Kelantan (Kuala Krai) bagi meminimumkan kesedaran dalam kalangan masyarakat atau komuniti yang terbahit," katanya.

Menurutnya, pelbagai langkah awal sudah diambil Nadma bagi menghadapi bencana banjir di negeri terbahit antaranya penyaluran pengurusan bencana bersepadu peringkat daerah dan negeri.

"Nadma turut mengerakkan semua agensi terbahit dengan pengurusan bencana selaras dengan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan pengurusan banjir diselaras dengan berkesan

# Notis amaran guna SMS

Nadma perkenal sebaran maklumat bencana banjir bermula awal bulan ini



DOKTOR Klinik Kesihatan Tanjung Gemok, Dr. Mounsyha Atri (dua dari kanan) meriba bayi berusia 21 hari, Nor Syakina Osman keluar dari kawasan banjir bersama ibu bayi berkenaan, Rohayani Ali menggunakan trak jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Rompin, semalam.

"Peruntukan daripada Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara turut disalurkan bagi perbelanjaan operasi bencana kepada agensi tindak balas dan jawatankuasa penguru-

san bencana peringkat negeri serta daerah," katanya. Dalam perkembangan sama, Nadma berkata, semua agensi berkaitan pengurusan bencana persekutuan serta di peringkat negeri bersiap sedia ketika mon-

sun timur laut dengan keanggotaan yang mencukupi. "Bagi memperkukuhkan pengurusan bencana negara, Nadma turut bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) dan syari-

kat berkaitan kerajaan bagi memastikan urusan bantuan di lokasi bencana ter selaras bersama Pusat Kawalan Operasi Bencana dan Pusat Kawalan Tempat Kejadian," katanya. Mengulas mengenai ge-

Prab adalah notis amaran merah atau bahaya paras air sungai. Ia mula dilancarkan di Kelantan"



Nadma lombang kedua banjir di pantai timur, Nadma berkata, JPS menjangkakan berlaku fenomena air pasang antara 25 dan 26 Disember ini sekiranya berlaku hujan lebat yang berkemungkinan boleh menyebabkan banjir namun mereka dalam keadaan bersedia.

Katanya, secara keseluruhannya, operasi penyelamatan dan proses pemindahan mangsa banjir serta pengurusan di semua pusat pemindahan berjalan dengan baik, lancar dan terselaras dengan kerjasama semua agensi termasuk NGO dan pihak swasta.

Nadma menasihatkan orang ramai memberi perhatian kepada maklumat banjir dan sentiasa menjaga keselamatan diri dan keluarga.